PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 50MG
PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 100MG

Atenolol 50mg/100mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Atenolol Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Atenolol Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Atenolol Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Pharmaniaga Atenolol Tablet

Pharmaniaga Atenolol digunakan untuk merawat:

- *Hypertension* (tekanan darah tinggi).
- *Angina pectoris* (sakit atau ketidakselesaan dada).
- *Acute myocardial infarction* (serangan jantung).
- *Cardiac arrhythmias* (rentak jantung tidak teratur).

Bagaimana Pharmaniaga Atenolol Tablet berfungsi

Atenolol tergolong dalam keluarga ubat-ubatan yang dikenali sebagai *beta blockers*.

Ia berfungsi dengan memperlahankan atau mengurangkan keperluan jantung untuk darah dan oksigen. Ini akan mengurangkan beban kerja untuk jantung.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet

-<u>*Bila tidak boleh mengambil*</u>

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda alah pada *atenolol* atau mana-mana bahan ramuan yang lain.
- Anda mempunyai *cardiogenic shock* (kegagalan pam jantung untuk berfungsi).
- Anda mempunyai sekatan jantung (kegagalan pengaliran impulsdalam jantung).
- Anda mempunyai *overt cardiac failure (*kegagalan jantung*)* atau kegagalan jantung yang tidak terkawal.
- Anda mempunyai *sinus bradycardia (*degupan jantung yang biasa tetapi dengan degupan yang lambat*)* atau penyakit salur pernafasan.
- Ketumbuhan pada buah pinggang yang tidak dirawat.
- Ketidak seimbangan pada alkali-asid dalam badan.
- Anda mempunyai tekanan darah rendah.
- Anda mempunyai gangguan peredaran darah.

<u>*Sebelum mengambil*</u>

Rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet sekiranya:

- Anda menghidap penyakit lelah, nafas berdehit atau sebarang masalah pernafasan yang lain, atau anda mengalami tindak balas alahan, contohnya terhadap sengatan serangga. Sekiranya anda pernah mengalami penyakit lelah atau nafas berdehit, jangan ambil ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda terlebihdahulu.
- Anda mengalami sejenis sakit dada (angina) yang dipanggil angina Prinzmetal.
- Peredaran darah anda kurang lancar atau anda mengalami kegagalan jantung terkawal.
- Anda mengalami sekatan jantung darjah pertama.
- Anda menghidap kencing manis. Ubat anda boleh mengubah cara anda bertindak balas terhadap gula darah yang rendah. Anda mungkin berasa denyutan jantung anda lebih pantas.
- Anda mengalami tirotoksikosis (keadaan yang berpunca daripada kelenjar tiroid yang terlebih aktif). Ubat anda mungkin menyembunyikan gejala-gejala tirotoksikosis.
- Anda mengalami masalah buahpinggang. Anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan semasamendapat rawatan.

Sekiranya anda tidak pasti yang andamengalami sebarang keadaan yang disebutkan di atas, rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet.

<u>*-Jika mengambil ubat-ubat lain*</u>

Sesetengah ubat mengganggu Pharmaniaga Atenolol Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- Penyekat-beta yang lain.
- Penyekat saluran kalsium.
- *Dihydropyridine* (digunakan untuk merawat hipertensi).
- Digitalis glikosida (digunakan untuk merawat kegagalan jantung kongestif).
- Ubat *anti-arrhythmic* Kelas I (digunakan untuk menekan irama jantung yang tidak normal).
- Ubat simpatomimetik (digunakan untuk mengatasi

PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 50MG
PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 100MG

Atenolol 50mg/100mg

serangan jantung dan tekanan darah rendah).
- Insulin dan ubat antidiabetik oral.
- Ubat prostaglandin *synthetase-inihibitors* (digunakan untuk mengubati senggugut primer).
- Ejen anestetik (digunakan untuk mencegah kesakitan semasa pembedahan).
- Penyekat adrenergik Alpha-1 (digunakan untuk merawat pelbagai penyakit jantung).
- *Quinidine* (digunakan untuk merawat jenis degupan jantung yang tidak teratur).
- St John's Wort (digunakan untuk merawat masalah kesihatan mental).
- Beta-2 agonis (digunakan untuk merawat penyakit pernafasan).
- Antasid (digunakan untuk melegakan gangguan pencernaan dan pedih ulu hati).
- *Warfarin* (digunakan untuk merawat orang yang mempunyai darah beku).
- *Chlorpromazine* (digunakan untuk merawat gangguan psikotik).
- *Methyldopa* (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi).
- *Glycopyrrolate.*
- *Clonidine* (diguna untuk merawat ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*).
- *Catecholamine depleting drugs* seperti *Reserpine* (diguna untuk kawalan tekanan darah tinggi).

Anda hendaklah sentiasa memberitahu doktor anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan teliti. Arahan mereka mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada botol ubat anda, tanya ahli farmasi, jururawat, atau doktor untuk menerangkannya kepada anda**.**

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa
- Tekanan darah tinggi (hipertensi): Pada permulaannya dos ialah 50 mg sehari. Dos boleh ditingkatkan kepada 100 mg sehari sekali selepas 2 minggu jika perlu dan serasi.
- Sakit dada (angina): Pada permulaan dos ialah 50 mg dua kali sehari atau 100 mg sehari sekali. Faedah tambahan tidak mungkin diperoleh dengan meningkatkan dos.
- Rawatan awal serangan penyakit jantung (penginfarkan miokardium): dos biasa ialah 50 mg hingga 100 mg sehari.
- Degupan jantung tidak sekata (arrhythmias): 50-100 mg sekali sehari.

Warga emas

Sekiranya anda warga emas, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberikan dos yang lebih rendah kepada anda, terutamanya jika anda mengalami masalah buah pinggang.

Individu yang mengalami masalah buah pinggang yang teruk

Sekiranya anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberikan anda dos yang lebih rendah.

-Bila perlu diambil

Doktor anda akan memaklumkan waktu pengambilan. Baca label pada karton untuk mengikut arahan doktor anda dengan tepat. Cuba ambil pil anda pada waktu yang sama setiap hari.

-Berapa lama perlu diambil

Preskripsi boleh dikatakan sepanjang hayat. Doktor anda akan memantau keadaan secara tetap dan akan memberitahu anda sekiranya perubahan perlu dilakukan. Jangan hentikan pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet tanpa merujuk kepada doktor anda dahulu.

Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin perlu menghentikan pengambilannya secara beransur-ansur.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau

PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 50MG
PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 100MG

Atenolol 50mg/100mg

rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet berlebihan.

Antara tanda-tanda dos berlebihan ialah *bradycardia (*degupan jantung yang biasa tetapi dengan degupan yang lambat*)*, degupan jantung yang tidak teratur dan kesukaran bernafas.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Atenolol Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya anda perlu menjalani pembedahan di hospital, beritahu kepada pakar bius atau kakitangan perubatan yang anda mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet. Ini adalah kerana anda boleh mendapat tekanan darah rendah (hipotensi)sekiranya anda diberi ubat bius yang tertentu semasa mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet.

Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet sekiranya anda hamil, mungkin akan hamil atau menyusukan bayi.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak perlu menghentikan atau mengubah jadual pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet tanpa mendapatkan nasihat daripada doktor anda, melainkan anda mengalami tindak balas alahan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak berkemungkinan menjejaskan keupayaan anda memandu atau menggunakan sebarang peralatan atau mesin. Walau bagaimanapun, sebaik-baiknya tunggu seketika untuk memastikan sama ada terdapat kesan ubat tersebut pada anda sebelum anda melakukan kegiatan ini. Sekiranya anda berasa pening atau letih apabila mengambil ubat ini, jangan memandu atau menggunakan sebarang peralatan atau mesin.

Kesan-kesan sampingan

Sebagaimana ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Atenolol Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak pada semua orang. Sekiranya anda mengalami tindakan alahan, jumpa doktor anda dengan segera. Antara tanda-tandanya ialah keguguran rambut atau kekeringan mulut.

Kesan sampingan yang mungkin dialami:
Mengurangkan keupayaan seksual, mengantuk, masalah untuk tidur, mimpi ngeri, keletihan yang luar biasa dan kelemahan.

Pengsan, sembelit, cirit-birit, hidung tersumbat, rasa sakit (loya), ketidakselesaan perut, bradikardia (jantung berdegup dengan perlahan- lahan), sekatan jantung, pening, sakit kepala, bronchospasm (penyempitan bronkus disebabkan pengecutan otot dinding seperti dalam serangan asma), penyumbatan pada salah satu arteri pulmonari di paru-paru, kegagalan jantung kongestif, kemurungan mental, perubahan mood, hormon tiroid yang berlebihan atau gangguan autoimium.

Ruam kulit, hypersensitif, kekeliruan, halusinasi, kerosakan hati (*hepatotoxicity*), peningkatan enzim hati yang tertentu, pengurangan bilangan sel darah putih(*leucopenia*), tekanan darah rendah apabila berdiri (*orthostic hypotension*), kiraan platelet yang rendah (thrombocytopenia), sakit mata atau mata kering, gangguan visual, sensasi terbakar atau tusukan berlaku pada badan, kesejukan tangan dan kaki atau kekejangan otot sering berlaku pada orang yang sudah mengalami penurunan aliran darah ke jari.

Jangan bimbang tentang senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak akan mengalaminya langsung. Sekiranya terdapat sebarang kesan sampingan yang makin serius, atau sekiranya anda menyedari terdapat sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu kepada doktor anda atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my[*Consumers→Reporting Side Efftects to Medicines (ConsSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Atenolol Tablet

-Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan ubat di dalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 50MG
PHARMANIAGA ATENOLOL TABLET 100MG

Atenolol 50mg/100mg

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

-Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat menbantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut
-Rupa dan warna produk
Pharmaniaga Atenolol Tablet 50 mg:
Tablet bersalut nipis, berbentuk bulat, berwarna oren dengan belahanpada satu sisi dan rata di sisi yang sebelah lagi.

Pharmaniaga Atenolol Tablet 100 mg:
Tablet bersalut nipis, berbentuk bulat, *biconvex*, berwarna oren dengan belahanpada satu sisi dan tanda Pharmaniaga ikon di sisi yang sebelah lagi.

Ubat tidak boleh dibahagi dua.

-Bahan bahan kandungan
Bahan aktif :
Atenolol 50mg/100mg

Bahan-bahan tidak aktif:
Talcum, Croscarmellose sodium, Titanium dioxide, Polyethyleneglycol 1000, Sunset Yellow Lake, Methocel E15,Methocel E5, Cornstarch, PovidoneK29¬K32, Propylene glycol, Lactose, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate.

-Nombor MAL:
Pharmaniaga Atenolol Tablet 50 mg:
MAL19973341AZ

Pharmaniaga Atenolol Tablet 100 mg:
MAL19920523AZ

Pengilang
Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:
Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:
12/11/2021

Nombor Siri:
NPRA(R2/1)211109/780